

Hainan sasar jadi kemudahan pelancaran angkasa taraf dunia

April 15, 2022 @ 5:48pm



Roket Long March-5 dalam misi ke planet Marikh, Tianwen-1, adalah antara misi yang dilancarkan dari Pusat Pelancaran Angkasa Wenchang di Hainan, China. - Foto AFP

WENCHANG: China mahu menjadikan pusat pelancaran kapal angkasa lepas di pulau Hainan sebagai fasiliti berkelas dunia menerusi usaha inovasi.

Demikian kata Presiden Xi Jinping selepas diberi taklimat mengenai pusat pelancaran Wenchang serta misi angkasa lepas sempena lawatannya ke wilayah selatan China itu.

Menurut beliau, selaku tapak pelancaran roket pembawa tujuh generasi tinggi baharu, Wenchang berperanan penting dalam penjelajahan angkasa jauh dan diiktiraf sebagai komponen utama sistem aeroangkasa negara.

"Keberanian dan inisiatif adalah perlu untuk melakukan inovasi yang kreatif bagi melonjakkan prestasi industri aeroangkasa negara menerusi pemodenan," kata Xi ketika majlis ramah mesra dengan staf pusat berkenaan.

Beliau turut mengingatkan staf supaya menggalas tanggungjawab dalam perancangan strategi aeroangkasa, sekali gus membawa misi yang lebih besar dengan menyasarkan teknologi bertaraf dunia.

China dijangka menyiapkan pembinaan stesen angkasa lepas pada tahun ini selepas kapal kargo Tianzhou-4 dan Tianzhou-5 serta modul eksperimen Wentian dan Mengtian dilancarkan dari Wenchang.

Xi mahu pusat berkenaan supaya melakukan persiapan rapi bagi memastikan misi pelancaran itu berjaya.

Terdahulu, pusat pelancaran Wenchang berjaya melengkapkan pelbagai misi ke angkasa lepas termasuk modul teras stesen angkasa Tianhe, prob eksplorasi bulan Chang'e-5, dan prob penyelidikan Marikh Tianwen-1. - BERNAMA